

Latihan Buku Teks muka surat 65.



Kata Adjektif Pancaindera

Karnival Kebudayaan dan Kesenian

Sekolah Gauri mengadakan Karnival Kebudayaan dan Kesenian. Gauri dan Dinesh mengunjungi karnival itu. Mereka menyaksikan pameran dan persembahan yang dianjurkan.



Gauri dan Dinesh gembira kerana dapat menyaksikan seni budaya masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Kunjungan ke karnival itu amat berfaedah bagi mereka. Di karnival itu, mereka dapat mendengar bunyi alat muzik tradisional yang **merdu**. Mereka dapat melihat pakaian tradisional yang ____ dan menghidu bau bunga malai yang ____ . Mereka juga dapat melihat labu sayong yang mempunyai permukaan yang ____ dan tapak yang ____ . Selain itu, mereka dapat menikmati makanan tradisional yang ____ dan ____ .